



Bahagian B

Sistem Bahasa dan Pemahaman Petikan

25

Ujian 1

1. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan ejaan. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis ejaan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i)

GAYA HIDUP SIHAT
Pengambilan kolestrol yang berlebihan
boleh menyebabkan penyakit jantung.
Jalanilah kehidupan yang sihat!

(ii)

MAKANAN DI DALAM TIN
Rasailah keenakan masakan anda dengan
prodak makanan di dalam tin keluaran
syarikat Media Rasa. Masakan anda pasti
memikat selera seisi keluarga.

(iii)

KITAR SEMULA
Amalan kitar semula dapat menyelamatkan bumi.
Apabila persekitaran bersih, masalah pencemaran alam
dapat diatasi.

- (i) _____
- (ii) _____
- (iii) _____

[3 markah]



2. Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Kenal pasti kesalahan tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

(i) "Pemilihan ketua pengawas pada tahun ini adalah berdasarkan sifat kepimpinan dan kecemerlangan di dalam bidang kokurikulum," kata Cikgu Azmi.

(ii) "Apa-apa perkara yang dapat merosakkan ketenteraman awam negeri Puspa Seri, perlu dielakkan oleh kita," titah Sultan Indera Diraja Dewa.

3. Baca petikan-petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Petikan 1

Bondaku, hidup ini tidak selalunya indah. Sebagaimana yang bonda maklum, dengan menjelangnya bulan Jun ini telah tiga bulan ayahanda meninggalkan kita. Selain rasa sedih yang mendalam yang menyelubungi keluarga kita, pemergian ayahanda telah menggugat persekolahan anakanda juga.

Dua bulan belakangan ini, bayaran asrama anakanda tidak beres sepenuhnya. Anakanda masih berhutang dengan pihak sekolah sebanyak empat puluh ringgit. Oleh itu, anakanda telah membuat keputusan untuk pulang ke kampung buat sementara waktu. Sekiranya anakanda terus berada di asrama ini, tentulah masalah kita akan bertambah.

Apabila anakanda pulang nanti, anakanda akan menatap potret ayahanda yang tentunya masih tergantung pada dinding ruang tamu rumah kita itu. Anakanda selalu teringat akan arwah ayahanda.

Sekianlah dahulu untuk kali ini. Sembah salam daripada anakanda untuk bonda, nenda dan adinda yang dikasihi.

Yang benar,
hayati

(Dipetik daripada drama 'Hadiah', antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Petikan 2

“Engkau jangan berhenti.”

“Tapi Wani tidak sanggup lagi melihat ayah seorang sahaja yang bekerja keras untuk menyara keluarga.”

“Itu tanggungjawab dan amanah, Wani. Apabila engkau sudah berkeluarga, engkau tahulah.”

“Baliklah ke sana. Teruskan pengajianmu itu yang masih bersisa. Habiskan dengan jayanya. Masa untukmu membantu keluarga akan tiba juga. Usahlah tergesa-gesa membanting kudrat dan membuang masa. Simpanlah untuk kegunaan pada masa akan datang.”

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘Setitis Budi Semarak Kasih’,
Dewan Siswa, April 2012)

- (i) Berdasarkan Petikan 1 dan Petikan 2, nyatakan keputusan yang telah diambil oleh Hayati dan Wani.

[3 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** nilai yang sama yang terdapat dalam kedua-dua petikan tersebut.

[3 markah]

- (iii) Rakan anda baru kehilangan bapanya. Dia mengambil keputusan untuk berhenti sekolah disebabkan faktor kemiskinan.

Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk membantu rakan anda itu? **KBAT** Menilai

[4 markah]